


Op: 7N.W. LATA SOLOMON
PPAD. msc.



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
(Ministry Of Education Malaysia)
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
(Human Resource Division)


ARAS 1 - 5, BLOK E12, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umun)
Faks : +603-8888 6292
Laman web : <http://www.moe.gov.my>



Ruj. Kami : KP(PP) 0137/43/(32)

Tarikh : 14 Jamadilakhir 1428H
29 Jun 2007



PP (PRP)

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BIL. 2 TAHUN 2007

Elaun Khas Mengikut Lokasi Dan Tahap Kesusahan Bagi Pegawai
Perkhidmatan Pendidikan Dan Anggota Kumpulan Sokongan Di Bawah
Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Berkhidmat Di Sekolah-Sekolah
Pedalaman

DEK
#dapatkan maklumat
maklumat.
satu sahaja
saya sahaja

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menggariskan pelaksanaan Elaun Khas Mengikut Lokasi Dan Tahap Kesusahan (EKMLTK) kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang berkhidmat di sekolah-sekolah pedalaman.

LATAR BELAKANG

2. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 antara lainya memberi fokus kepada merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar. Sehubungan ini, antara cabaran KPM adalah untuk meningkatkan bilangan guru terlatih, berkualiti dan mengikut opsyen keperluan sekolah di kawasan pedalaman. Satu strategi ke arah pencapaian objektif ini ialah dengan pembayaran EKMLTK kepada PPP dan

AKS di bawah KPM. Pembayaran EKMLTK ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Februari 2007. Ini merupakan keprihatinan kerajaan mengenai aspek kebajikan guru.

TAFSIRAN

3. **Jawatankuasa Induk Pemantauan** bermaksud jawatankuasa yang mengandungi ahli-ahli yang ditetapkan seperti di para 15 (a) pada Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

4. **Jawatankuasa Kerja** bermaksud jawatankuasa yang mengandungi ahli-ahli yang ditetapkan seperti di para 15 (b) pada Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

5. **Kawasan pedalaman** bermaksud kawasan luar bandar yang terpencil dan mempunyai kesukaran aksesibiliti yang melibatkan pelbagai mod pengangkutan, kos yang tinggi, masa yang panjang serta mempunyai kemudahan asas yang sangat minimum atau tiada langsung. Kawasan ini juga meliputi kawasan persisiran, pulau, sungai dan pergunungan. Penentuan kategori tersebut adalah berasaskan kepada tahap kesukaran yang dinilai mengikut aspek-aspek kesampaian aksesibiliti, kemudahan asas dan kemudahan awam. Kawasan pedalaman dibahagikan kepada tiga (3) kategori;

- Pedalaman 1
- Pedalaman 2
- Pedalaman 3

PELAKSANAAN

Kriteria Bagi Menentukan Lokasi Pedalaman

6. Penentuan samada sesebuah sekolah itu berada di dalam kategori pedalaman 1, 2 atau 3 dibuat dengan mengambil kira kriteria-kriteria berikut:-

- (i) Bilangan Mod Pengangkutan (termasuk kos)
- (ii) Risiko Perjalanan

- (iii) Sumber Air
- (iv) Sumber Elektrik
- (v) Kediaman
- (vi) Sanitasi
- (vii) Telekomunikasi
- (viii) Perkhidmatan Kesihatan; dan
- (ix) Kemudahan-Kemudahan lain seperti bank, pejabat pos dan tempat ibadat.

Senarai Sekolah Dalam Kawasan Pedalaman

7. Senarai sekolah yang telah dikenalpasti mengikut kategori pedalaman adalah seperti di **Lampiran A**. Jawatankuasa Induk Pemantauan yang ditubuhkan di bawah pekeliling ini akan memutuskan pindaan ke atas senarai sekolah ini dari semasa ke semasa.

Kelayakan

8. EKMLTK akan dibayar kepada PPP dan AKS di KPM iaitu anggota tetap, kontrak, sambilan, sangkut, sementara dan sandaran yang berkhidmat di sekolah-sekolah pedalaman dan memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (i) diarah secara bertulis untuk ditempatkan di sekolah-sekolah di pedalaman; dan
- (ii) berkhidmat selama tempoh satu bulan atau lebih di sekolah-sekolah pedalaman.

9. Bayaran EKMLTK ini hendaklah dihentikan dalam keadaan-keadaan berikut:

	Keadaan	Kenyataan
a.	bercuti tanpa gaji (termasuk cuti belajar tanpa gaji).	bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tanpa gaji.
b.	bercuti separuh gaji (termasuk cuti belajar separuh gaji).	bayaran dihentikan bagi tempoh cuti separuh gaji.
c.	berkursus bergaji penuh melebihi 3 bulan.	bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tersebut.
d.	bercuti rehat melebihi 28 hari berturut-turut.	bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tersebut.
e.	cuti haji, cuti bersalin dan cuti sakit yang melebihi 28 hari berturut-turut.	bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tersebut.
f.	Kombinasi mana-mana jenis cuti di perenggan 9 (d) dan (e) di atas yang melebihi 28 hari berturut-turut.	bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tersebut.
g.	Anggota dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional yang memangku jawatan Gred Khas/Gred Utama.	bayaran dihentikan bagi tempoh pemangku.
h.	Pegawai tidak lagi berkhidmat di sekolah-sekolah pedalaman.	bayaran dihentikan serta-merta.

10. Bagi pasangan suami/isteri (PPP dan AKS) yang bertugas di sekolah-sekolah pedalaman, hanya salah seorang sahaja yang layak menerima EKMLTK ini dengan menggunakan format seperti di Lampiran B.

Kadar

11. EKMLTK ini akan dibayar mengikut kadar bulanan seperti berikut:

- (i) Pedalaman 1 : RM500
- (ii) Pedalaman 2 : RM1000
- (iii) Pedalaman 3 : RM1500

12. Pembayaran EKMLTK ini boleh dihentikan atau dipinda sekiranya Jawatankuasa Induk Pemantauan memutuskan bahawa sesebuah sekolah itu tidak lagi berada dalam kategori pedalaman yang telah ditetapkan.

Peranan Pusat Tanggungjawab (Sekolah PTJ/Pejabat Pelajaran Daerah/ Gabungan/Bahagian/Jabatan Pelajaran Negeri)

13. Semua Pusat Tanggungjawab (Sekolah PTJ/Pejabat Pelajaran Daerah/
Gabungan/Bahagian/Jabatan Pelajaran Negeri) hendaklah memastikan supaya
bayaran EKMLTK ini direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan PPP dan AKS
berkenaan.

14. Pihak Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan perlu mengemukakan
laporan pembayaran EKMLTK ini kepada Bahagian Sumber Manusia (BSM) setiap
suku tahun dengan menggunakan format seperti di Lampiran C. Laporan ini perlu
dikemukakan selewat-lewatnya pada 10 haribulan bulan pertama suku tahun
berikutnya.

Mekanisme Pemantauan Dan Pentadbiran

15. Bagi tujuan pemantauan dan pentadbiran EKMLTK ini, diwujudkan dua (2)
Jawatankuasa seperti berikut:-

(a) Jawatankuasa Induk Pemantauan

- (i) Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran - Pengerusi
- (ii) Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Manusia) - Timbalan Pengerusi
- (iii) Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri (yang berkenaan) atau wakil ganti yang dilantik - Ahli
- (iv) Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan atau wakil ganti yang dilantik - Ahli
- (v) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakil ganti yang dilantik - Ahli
- (vi) Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Sekolah) - Ahli
- (vii) Pengarah, Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. - Ahli
- (viii) Setiausaha Bahagian, Bahagian Sumber Manusia. - Ahli
- (ix) Setiausaha Bahagian, Bahagian Kewangan. - Ahli
- (x) Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan dan Perolehan - Ahli
- (xi) Lain-lain wakil yang boleh dijemput dari semasa ke semasa jika perlu - Ahli

Urus Setia Bersama: Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan dan Bahagian Sumber Manusia.

Terma Rujukan Jawatankuasa Induk Pemantauan

- (i) Mempertimbangkan cadangan senarai baru dan pindaan senarai sekolah pedalaman daripada Jawatankuasa Kerja.
- (ii) Mempertimbangkan cadangan kriteria baru bagi menentukan sesebuah sekolah itu berada di dalam kategori pedalaman 1, 2 atau 3.
- (iii) Mempertimbangkan hal-hal lain yang berkaitan dengan dasar dan pelaksanaan bayaran EKMLTK.
- (iv) Membuat lawatan untuk memastikan sesebuah sekolah menepati kriteria sebagai berada di dalam kategori pedalaman 1, 2, atau 3, jika perlu.
- (v) Bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dan mengikut keperluan.

(b) Jawatankuasa Kerja

- (i) Pengarah, Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan - Pengerusi
- (ii) Setiausaha Bahagian, Bahagian Sumber Manusia - Ahli
- (iii) Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan dan Perolehan - Ahli
- (iv) Setiausaha Bahagian, Bahagian Kewangan - Ahli
- (v) Pengarah, Bahagian Sekolah - Ahli

- (vi) Ketua Nazir, Jemaah Nazir Sekolah - Ahli
- (vii) Lain-lain wakil yang boleh dijemput dari - Ahli
semasa ke semasa jika perlu

Urus Setia : Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.

Terma Rujukan Jawatankuasa Kerja

- (i) Memperakukan mana-mana sekolah untuk dikategorikan sebagai pedalaman 1, 2, 3 atau dikeluarkan daripada senarai sekolah pedalaman kepada Jawatankuasa Induk Pemantauan untuk diputuskan.
- (ii) Mencadangkan kriteria baru bagi menentukan sesebuah sekolah itu berada di kategori pedalaman 1, 2 atau 3 kepada Jawatankuasa Induk Pemantauan untuk diputuskan.
- (iii) Membuat lawatan untuk memastikan sekolah-sekolah menepati kriteria sebagai berada di kategori pedalaman 1, 2 atau 3.
- (iv) Menjemput mana-mana agensi Kerajaan jika perlu untuk membincangkan hal-hal dasar dan pelaksanaan EKMLTK ini untuk dikerfukakan kepada Jawatankuasa Induk Pemantauan.
- (v) Bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dan mengikut keperluan bagi membantu Jawatankuasa Induk Pemantauan mengemaskini senarai sekolah mengikut kategori pedalaman.

TARIKH KUATKUASA

- 16. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 01 Mei 2007.

PEMAKAIAN

17. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, maka PPP dan AKS di bawah KPM yang bertugas di sekolah-sekolah pedalaman dan menerima bayaran EKMLTK ini adalah tidak layak menerima Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2000 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Sekiranya kadar BIP yang sedang diterima oleh pegawai adalah lebih tinggi daripada kadar EKMLTK, maka pegawai bolehlah dibayar salah satu elaun yang kadarnya lebih tinggi.

18. Bagi tujuan pembayaran Elaun EKMLTK ini, Pusat Tanggungjawab (Sekolah PTJ/Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan /Bahagian) perlu menggunakan Kod Elaun 1326 – Elaun Bantuan Hidup Susah atau Kod Objek Lanjut 12199 jika menggunakan Baucar Berasingan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

19. Ketua-Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan mengedarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini kepada Pusat Tanggungjawab (Sekolah PTJ/Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan/Bahagian) di bawah pentadbiran masing-masing supaya urusan pembayaran EKMLTK ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

20. Sekiranya terdapat sebarang keraguan semasa melaksanakan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, bolehlah dirujuk kepada Unit Saraan, Kemudahan dan Hubungan Kesatuan, Cawangan Perkhidmatan, Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran Malaysia.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(TAN SRI DR. ZULKURNAIN BIN HAJI AWANG)

Ketua Setiausaha

Kementerian Pelajaran Malaysia.

29 Jun 2007

SENARAI SEKOLAH PEDALAMAN MENGIKUT NEGERI DI BAWAH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BERKUATKUASA MULAI 1 MEI 2007

Lampiran A

PERAK
PEDALAMAN 1

BIL	Negeri	PPD	Kod Sekolah	SEKOLAH
1	PERAK	PPD BATANG PADANG	ABA0128	SK JERNANG
2	PERAK	PPD KUALA KANGSAR	ABA0409	SK POS PDI
3	PERAK	PPD KUALA KANGSAR	ABA0450	SK POS PERWOR
4	PERAK	PPD KUALA KANGSAR	ABA0451	SK POS LEGAP
5	PERAK	PPD HULU PERAK	ABA7038	SK RPS DALA
6	PERAK	PPD LARUT/MATANG/SELAMA	ABC6086	SJK(C) POAY CHEE
7	PERAK	PPD LARUT/MATANG/SELAMA	ABC6094	SJK(C) AIK HUA

PEDALAMAN 2

BIL	Negeri	PPD	Kod Sekolah	SEKOLAH
1	PERAK	PPD BATANG PADANG	ABA0124	SK POS TENAU
2	PERAK	PPD BATANG PADANG	ABA0125	SK POS GEDONG
3	PERAK	PPD BATANG PADANG	ABA0127	SK POS MUSUH LZ
4	PERAK	PPD KUALA KANGSAR	ABA0452	SK POS PIAH
5	PERAK	PPD KUALA KANGSAR	ABA0454	SK POS KUALA MU
6	PERAK	PPD HULU PERAK	ABA7036	SK RPS POS KEMAR
7	PERAK	PPD HULU PERAK	ABA7039	SK SUNGAI TIANG

PAHANG
PEDALAMAN 1

BIL	Negeri	PPD	Kod Sekolah	SEKOLAH
1	PAHANG	PPD CAMERON HIGHLANDS	CBA1002	SK TELANOK (JHEOA)
2	PAHANG	PPD CAMERON HIGHLANDS	CBA1004	SK MENSON (JHEOA)
3	PAHANG	PPD JERANTUT	CBA2023	SK KG PAGI
4	PAHANG	PPD JERANTUT	CBA2024	SK KUALA SAT
5	PAHANG	PPD JERANTUT	CBA2025	SK ULU TEMBELING
6	PAHANG	PPD LIPIS	CBA3061	SK LANAI (JHEOA)
7	PAHANG	PPD ROMPIN	CBA8009	SK TEKEK
8	PAHANG	PPD BERA	CBA0002	SK ISKANDAR
9	PAHANG	PPD ROMPIN	CEA8022	SMK TEKEK

PEDALAMAN 2

BIL	Negeri	PPD	Kod Sekolah	SEKOLAH
1	PAHANG	PPD CAMERON HIGHLANDS	CBA1003	SK LEMOI (JHEOA)
2	PAHANG	PPD JERANTUT	CBA2026	SK BUKIT MAT DALING
3	PAHANG	PPD JERANTUT	CBA2027	SK GUSAI
4	PAHANG	PPD LIPIS	CBA3057	SK TITON (JHEOA)
5	PAHANG	PPD LIPIS	CBA3058	SK LENJANG(JHEOA)
6	PAHANG	PPD LIPIS	CBA3060	SK SENDERUT(JHEOA)
7	PAHANG	PPD ROMPIN	CBA8031	SK MUKUT
8	PAHANG	PPD ROMPIN	CBA8032	SK JUARA

KELANTAN
PEDALAMAN 1

BIL	Negeri	PPD	Kod Sekolah	SEKOLAH
1	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	DBA7411	SK PASIR LINGGI
2	KELANTAN	PPD KUALA KRAI	DBA7429	SK BAHAGIA
3	KELANTAN	PPD KUALA KRAI	DBA7434	SK BIAK
4	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	DBA8011	SK LEBIR
5	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	DBA8019	SK KUALA SUNGAI
6	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	DBA8026	SK TOHOI
7	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	DBA8027	SK PULAT
8	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	DBA8030	SK HENDROP
9	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	DBA8031	SK POS BROOKE
10	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	DBA8032	SK BLAU

PEDALAMAN 2

BIL	Negeri	PPD	Kod Sekolah	SEKOLAH
1	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	DBA8025	SK BALAR
2	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	DBA8028	SK SRI PERMAI (JHEOA)
3	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	DBA8033	SK BIHAI

JOHOR

PEDALAMAN 1

BIL	Negeri	PPD	Kodsek	SEKOLAH
1	JOHOR	PPD KOTA TINGGI	JBA3022	SK TANJUNG SURAT
2	JOHOR	PPD MERSING	JBA4019	SK PULAU SIBU
3	JOHOR	PPD MERSING	JBA4021	SK PULAU TINGGI
4	JOHOR	PPD SEGAMAT	JBA7043	SK KAMPONG KUDUNG

PEDALAMAN 2

BIL	Negeri	PPD	Kodsek	SEKOLAH
1	JOHOR	PPD KLUANG	JBA2049	SK PUNAN
2	JOHOR	PPD MERSING	JBA4017	SK PULAU AUR
3	JOHOR	PPD MERSING	JBA4018	SK PULAU PEMANGGIL
4	JOHOR	PPD MERSING	JBA4030	SK PETA

TERENGGANU

PEDALAMAN 1

BIL	Negeri	PPD	Kodsek	SEKOLAH
1	TERENGGANU	PPD BESUT	TBA0008	SK PULAU PERHENTIAN
2	TERENGGANU	PPD KUALA TERENGGANU	TBA3072	SK PULAU REDANG

SABAH

PEDALAMAN 1

BIL	Negeri	PPD	Kodsek	SEKOLAH
1	SABAH	PPG KENINGAU	XBA1004	SK BATU LUNGUYAN
2	SABAH	PPG KENINGAU	XBA1013	SK DALIT
3	SABAH	PPG KENINGAU	XBA1016	SK KALAMPUN
4	SABAH	PPG KENINGAU	XBA1023	SK INANDUNG
5	SABAH	PPG KENINGAU	XBA1026	SK LANAS
6	SABAH	PPG KENINGAU	XBA1048	SK TULID
7	SABAH	PPG KENINGAU	XBA1060	SK MALAING
8	SABAH	PPG KENINGAU	XBA1062	SK SINULIHAN BARU
9	SABAH	PPG KENINGAU	XBA1063	SK SIMBUAN TULID
10	SABAH	PPDK NABAWAN	XBA1103	SK PANDIWAN
11	SABAH	PPDK NABAWAN	XBA1110	SK KG BAHAGIA
12	SABAH	PPDK NABAWAN	XBA1113	SK PEMENTERIAN
13	SABAH	PPDK NABAWAN	XBA1115	SK ULU MOSOPOH
14	SABAH	PPDK NABAWAN	XBA1116	SK TAMPUSISON
15	SABAH	PPDK NABAWAN	XBA1117	SK KEBU BARU
16	SABAH	PPDK NABAWAN	XBA1118	SK TETAGAS
17	SABAH	PPDK NABAWAN	XBA1119	SK KG ENAM
18	SABAH	PPDK TAMBUNAN	XBA1201	SK GERAS
19	SABAH	PPDK TAMBUNAN	XBA1202	SK KAINGARAN
20	SABAH	PPDK TAMBUNAN	XBA1205	SK KUMAWANAN
21	SABAH	PPDK TAMBUNAN	XBA1207	SK KUALA NAMADAN TAMBUNAN
22	SABAH	PPDK TAMBUNAN	XBA1208	SK MONSOK TENGAH
23	SABAH	PPDK TAMBUNAN	XBA1209	SK NUKAKATAN
24	SABAH	PPDK TAMBUNAN	XBA1212	SK ROMPON
25	SABAH	PPDK TAMBUNAN	XBA1213	SK BAMBANGAN
26	SABAH	PPDK TAMBUNAN	XBA1225	SK TINOMPOK LIWAN
27	SABAH	PPDK TAMBUNAN	XBA1227	SK SINTUONG-TUONG
28	SABAH	PPDK TENOM	XBA1303	SK TILIS
29	SABAH	PPDK TENOM	XBA1304	SK KUNGKULAR
30	SABAH	PPDK TENOM	XBA1325	SK PANGI
31	SABAH	PPDK TENOM	XBA1340	SK ULU TOMANI
32	SABAH	PPG SANDAKAN	XBA2001	SK BAMBANGAN
33	SABAH	PPG SANDAKAN	XBA2005	SK SUNGAI PADAS
34	SABAH	PPDK KINABATANGAN	XBA2006	SK RANCANGAN SUAN LAMBA
35	SABAH	PPDK KINABATANGAN	XBA2007	SK KUALA SUAN LAMBA
36	SABAH	PPG SANDAKAN	XBA2009	SK GUM-GUM KECIL
37	SABAH	PPG SANDAKAN	XBA2025	SK PULAU SANGHAI
38	SABAH	PPG SANDAKAN	XBA2030	SK LABUK SUBUR
39	SABAH	PPDK KINABATANGAN	XBA2048	SK KAMPUNG SUAN LAMBA
40	SABAH	PPG SANDAKAN	XBA2073	SK SUNGAI TIRAM
41	SABAH	PPG SANDAKAN	XBA2076	SK TANJONG BATU
42	SABAH	PPG SANDAKAN	XBA2080	SK PAMAGUAN
43	SABAH	PPDK TELUPID	XBA2103	SK ANSUAN
44	SABAH	PPDK RANAU	XBA2107	SK KAINGARAN
45	SABAH	PPDK TELUPID	XBA2109	SK KIABAU
46	SABAH	PPDK RANAU	XBA2114	SK MALINSAU
47	SABAH	PPDK BELURAN	XBA2116	SK PAMOL

31,656

348,216.00

60

139,286.00

40

92,857.60

Salinan Kepada:

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Semua Timbalan Ketua Setiausaha

Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran

Semua Setiausaha Bahagian/Pengarah Bahagian

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Y. B Menteri Pelajaran

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Y. B. Timbalan-Timbalan Menteri Pelajaran

Setiausaha Sulit Kepada Y. B. Setiausaha Parlimen KPM

Edaran Luar:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Blok C1 & C2, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62510 PUTRAJAYA.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 10, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA.

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara.

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara.

Presiden
Semua Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Malaysia.

Presiden
Semua Kesatuan Bukan Guru Kementerian Pelajaran.

"PENGURUSAN BERKUALITI MENJAYAKAN MISI"

(c:\ekun\kms\pedtlem\st P.P\Ekun Kms\Bul 1 okas\OHAPS.docx)